


Headline	Jemaah haji dinasihat bawa bekalan topeng elak habuk		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	15	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	218 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,309
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,926



## Jemaah haji dinasihat bawa bekalan topeng elak habuk

MEKAH 25 Sept. - Jemaah haji Malaysia dinasihatkan supaya membawa bekalan topeng muka untuk digunakan di Mekah.

Pengarah Operasi Media Tabung Haji (TH), Anis Zuhani Ahmad berkata, mereka perlu memakai topeng itu sebagai langkah keselamatan dan kesihatan kerana kawasan sekitar Masjidil Haram berhabuk ekoran kerja pembinaan yang sedang dilaksanakan.


Katanya, cuaca panas terik dan kenderaan yang banyak serta kerja pembinaan yang dijalankan di sekitar masjid menyumbang kepada persekitaran berhabuk.

"Kami nasihatkan jemaah yang masih berada di Malaysia supaya membawa bekalan topeng muka dan memakainya apabila berada di sini," katanya di sini.

Jutaan umat Islam dari seluruh dunia kini berada di Mekah sebagai persiapan mengerjakan ibadah haji.

Setakat ini, kira-kira 70 peratus atau 13,833 jemaah haji Malaysia kini berada di tanah suci Mekah dan Madinah bagi menunaikan ibadah haji bulan depan.

Pihak berkuasa Arab Saudi menetapkan kuota 22,320 jemaah haji dari Malaysia untuk menunaikan rukun Islam kelima itu tahun ini. - BERNAMA



TAWAF bertingkat yang baharu dibina oleh kerajaan Arab Saudi bagi memudahkan jemaah kurang upaya dan warga tua melaksanakan rukun haji di Masjidil Haram, Mekah, baru-baru ini. - BERNAMA